

→ MODAL INSAN

Peluang pembelajaran dalam talian

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) agenda penting kerajaan bagi melahirkan modal insan berkualiti dan berdaya saing menerusi Pelan Induk Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat Peringkat Nasional 2011-2020 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015-2025.

Dalam konteks Malaysia, pembelajaran sepanjang hayat ditakrifkan sebagai proses pendemokrasian pendidikan melalui pemerolehan ilmu pengetahuan, kemahiran dan keupayaan melalui kaedah secara formal dan tidak formal dan boleh diakses menerusi pelbagai kaedah pengendalian dan penyampaian program.

Melalui perkembangan Revolusi Perindustrian 4.0 yang sering diperkatakan berikutan ledakan data, teknologi maklumat dan komputer yang menjadi pencetus kepada revolusi itu, pembelajaran sepanjang hayat turut meraih kesan positif daripadanya.

Ada pelbagai inisiatif kaedah

pengendalian dan penyampaian program diperkenalkan seperti pendidikan jarak jauh, pembelajaran separuh masa, e-pembelajaran, pendidikan jarak jauh dan terbuka dan pendidikan fleksibel bagi menggalakkan masyarakat membudayakan pembelajaran sepanjang hayat.

Perkara ini disokong melalui dasar Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025) - Pengajian Tinggi (Lonjakan Kesembilan), yang menyatakan pembelajaran dalam talian dapat membantu meluaskan capaian program kepada golongan sasaran dan seterusnya memperkasa pembelajaran sepanjang hayat.

Warga industri

Kepelbagaian dalam pendekatan pengajaran dan pembelajaran khususnya dapat memberi tarikan kepada warga industri untuk menyertai program pembelajaran sepanjang hayat, di samping dapat meluaskan akses pendidikan



Amirul Ahmad

Pengurus Kanan Akademik & Runding Cara Pelajar UMP Advanced

dan membolehkan pembelajaran disesuaikan mengikut keperluan semasa pelajar.

Sehubungan dengan itu, UMP Advanced mengorak langkah dengan membangunkan sistem pembelajaran dalam talian bagi program profesional atau eksekutif dalam meningkatkan akses kepada pendidikan berkualiti, menyediakan penyampaian kursus yang cekap, membina jenama pembelajaran sepanjang hayat, khusus untuk profesional atau eksekutif dan seterusnya meluaskan pasaran program ke peringkat antarabangsa pada masa hadapan.

Pembelajaran dalam talian ini menyasarkan warga industri me-

lalui program direka khas mengikut keperluan industri berdasarkan beberapa bidang yang mendapat permintaan tinggi seperti pembudayaan, petroleum dan gas, perladangan, logistik dan elektrik.

Sistem berasaskan web

Pelaksanaan pembelajaran dalam talian boleh dilaksanakan melalui penggunaan sistem berasaskan web dan pekakan mudah alih yang boleh diakses oleh pelajar pada bila-bila masa.

Kaedah pelaksanaan program menggunakan teknologi bagi menyokong modul yang dijalankan secara dalam bilik kuliah atau konvensional ke dalam bentuk pembelajaran teradun dengan menyepadukan aktiviti dalam talian untuk meningkatkan pengalangan pembelajaran pelajar.

Pelaksanaan pembelajaran dalam talian ini juga akan memasukkan elemen sidang video, sidang audio, nota multimedia, Web 2.0 (interaksi dan pengukuhan maya, Facebook dan media sosial) dan lain-lain

bagi menyediakan pembelajaran yang fleksibel kepada warga industri yang mengikuti pembelajaran sepanjang hayat.

Pembelajaran dalam talian ini juga dapat meningkatkan kualiti pengendalian dan penyampaian program, meningkatkan kecekapan pengendalian kos program dan meluaskan pembelajaran sepanjang hayat rakyat Malaysia yang menggunakan internet.

Warga industri kini berpeluang meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam mendepani perkembangan teknologi melalui sistem pembelajaran dalam talian bagi program profesional dan eksekutif yang dilaksanakan oleh UMP Advanced.

Kemajuan teknologi dan integrasi pedagogi pembelajaran dalam talian bukan sahaja membolehkan penyampaian program yang menjadi dinamik, malahan memerlukan institusi pendidikan tinggi untuk berubah dalam menyediakan pembelajaran sepanjang hayat yang berkualiti kepada warga industri.